



PANDELELA (kanan) dan Jun Hoong sertai acara 10m platform seirama hari ini.

HARIAN METRO

9/3/2019 p. 57

Terjun Siri Dunia

## Lela, Jun Hoong buka tirai Beijing

Ajitpal Singh

ajitpalsingh@NST.com.my

**Kuala Lumpur:** Tumpuan pasti terarah kepada penerjun elit wanita kebangsaan apabila mereka bertanding pada kejohanan pembuka tirai Siri Dunia di Beijing yang bermula hari ini, di bawah struktur kejurulatihan baharu.

Malaysia meraih pelbagai kejayaan di bawah kendalian bekas ketua jurulatih, Yang Zhuliang namun kontrak jurulatih China itu tidak disambung tahun lalu kerana memberi ruang terhadap persekitaran ketakutan di dalam pasukan kebangsaan.

Zhang Yukun yang menjadi penolong Zhuliang kini bertindak sebagai pemangku ketua jurulatih, manakala Christian Brooker dari Australia menjadi penolongnya. Ketika kejohanan di Beijing bertindak sebagai medan ujian buat penerjun menjelang Sukan Komanwel Gold Coast bulan depan, kejohanan itu bakal menjadi penentu sama ada atlet mampu meraih pingat tanpa Zhuliang.

Tiada lagi alasan buat Yukun, Brooker dan Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) andai penerjun gagal mempamer aksi cemerlang musim ini memandangkan pasukan menunjukkan peningkatan dan pingat dalam setiap kejohanan disertai di bawah Zhuliang.

Pada hari pertama di Beijing, gandingan Pandelela Rinong-Cheong Jun Hoong yang memenangi pingat perak di Sukan Olimpik Rio 2016 akan kembali bersama dalam acara 10m platform seirama.

Kedua-duanya yang turut meraih pingat gangsa di Kejohanan Dunia di Budapest akan berdepan gandingan China Zhang Jiaqi-Zhang Minjie selain Taneka Kovchenko-Melissa Wu dari Australia; penerjun Kanada, Meaghan Benfeito-Caeli McKay dan gandingan Korea Utara, Kim Kuk Hyang-Kim Mi Rae.

Jun Hoong juga akan bertanding dalam acara 10m platform individu Ahad ini buat kali pertama sejak memenangi gelaran dunia tahun lalu bersama pemenang pingat gangsa Olimpik 2012, Pandelela.

Bagaimanapaun Pandelela mungkin tidak berada pada tahap terbaik untuk kejohanan itu memandangkan dia kini batuk dan sakit tekak.

“Rasa kurang sihat hari ini. Peminat semua, apa ubat terbaik untuk batuk dan sakit tekak selain daripada minum air?” tulis Pandelela di akaun Facebook.

Nur Dhabitah Sabri akan bertanding dalam acara 3m papan anjal individu. Begitu juga dengan 3m papan anjal seirama juga berlangsung hari ini bersama penerjun veteran, Leong Mun Yee.